

03 DEC 2000

Mahathir-Sedih

MAHATHIR SEDIH DENGAN GEJALA PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedih terhadap sikap parti pembangkang yang terus memecah-belahkan umat Islam di negara ini sehingga menjadikan gejala perpecahan itu kini kian meruncing.

Beliau berkata kemajuan pesat agama Islam di negara ini kini hanya sekadar di permukaan sahaja kerana pada hakikatnya umat Islam itu sendiri kian berpecah.

"Ini ekoran perbuatan pemimpin parti pembangkang yang sentiasa menghasut umat Islam supaya membenci pemimpin negara serta umat Islam lain yang tidak sehaluan dengan mereka," katanya pada majlis Nur Ramadhan anjuran Umno Wilayah Persekutuan di Masjid Kuala Lumpur di Jalan Duta di sini.

Dr Mahathir berkata bibit perpecahan itu disemai di kalangan kanak-kanak lagi dengan menyuruh kanak-kanak yang tidak mengerti apa-apa itu membenci pemimpin negara yang beragama Islam.

"Seperti yang berlaku pada pilihan raya Lunas baru-baru ini, kanak-kanak disuruh menjeritkan "Bunuh Mahathir" dan saya difitnah dengan pelbagai tuduhan yang tidak berasas seperti saya tidak Islam, tidak menghormati ulamak dan Nabi Muhammad saw," katanya.

Perdana Menteri berkata anak-anak diajar dengan perasaan benci daripada kecil lagi dan sudah tentu anak-anak ini tidak tahu mengapa.

"Mereka hanya mengikut sahaja apa yang diajar oleh orang dewasa dan mereka pun menjeritlah suruh bunuh pemimpin tanpa apa-apa sebab yang boleh diterima," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin parti pembangkang tidak ada modal lain melainkan menimbulkan kebencian sahaja dengan harapan apabila rakyat benci kepada kerajaan, mereka akan mendapat sokongan.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan yang ada sekarang dipilih oleh rakyat secara sistem demokrasi berparti untuk menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan.

"Demokrasi memang baik tetapi jika kita tidak tahu bagaimana menggunakannya, sistem ini akan membinasakan kita," katanya.

"Apa yang sepatutnya mereka lakukan sebagai parti politik ialah menjelaskan apakah yang akan dibuat oleh mereka jika mereka menjadi kerajaan dan terpulanglah kepada rakyat memilih yang mana satu yang mereka suka," katanya.

Dr Mahathir berkata bukanlah menjadi sebahagian daripada sistem demokrasi untuk menimbulkan kebencian kepada pihak tertentu sehingga rakyat berpecah belah seperti yang berlaku di kalangan umat Islam hari ini.

"Perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini begitu mendalam sehingga ada yang terasing, terpisah, tidak mahu bercakap dengan orang lain dan ada yang tidak membenarkan anak mereka berkahwin dengan anak orang Islam lain yang mereka tuduh sebagai tidak Islam.

"Ini bukan cara demokrasi seperti yang diamalkan di negara demokratik yang lain, tetapi malangnya kita tidak faham tentang kegunaan demokrasi dan hasil daripada sistem itu di negara ini ialah perpecahan umat Islam yang kita nampak tidak boleh dirapatkan lagi," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedar parti pembangkang menggunakan masjid untuk melemparkan fitnah terhadap pemimpin kerajaan terutamanya yang beragama Islam.

"Mereka (pemimpin pembangkang) tahu apa yang mereka perkatakan itu

tidak benar tetapi mereka tetap katakan juga semata-mata untuk kepentingan politik.

"Kononnya mereka berjuang untuk agama Islam. Jika kita berjuang untuk agama Islam maka apakah yang harus kita buat... tak lain tak bukan kita harus merapatkan barisan kita...), " katanya.

Dr Mahathir juga menyelar sikap golongan tertentu yang sanggup menyokong tindakan orang asing yang boleh merugikan negara semata-mata untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat.

"Mereka merasa bangga kerana disokong oleh negara asing seperti Amerika Syarikat, Australia, England serta negara-negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata pihak asing pernah cuba memiskinkan negara dengan menjatuhkan nilai ringgit.

"Kita tidak tunduk kepada mereka, sebaliknya kita kita pulihkan negara dengan usaha kita sendiri. Kita tahu orang asing ini ada niat tidak baik terhadap kita.

"Lihatlah apa yang berlaku di Palestin. Mereka biarkan rakyat Palestin dibunuh dan tidak mahu mengambil tindakan walaupun didesak, dan orang yang tidak mahu menolong rakyat Palestin ini tiba-tiba menyokong orang dalam negara kita," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kumpulan yang memberontak, membuat demonstrasi jalanan serta memaki hamun itu sebenarnya diperalatkan oleh kuasa asing agar umat Islam di negara ini berpecah.

Ini kerana Malaysia adalah satu-satunya negara Islam yang kuat mengkritik mereka dan tidak tunduk dengan kehendak mereka.

Pada majlis itu Dr Mahathir serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyampaikan bantuan kepada 1,300 fakir miskin di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Bantuan berupa wang tunai RM100 serta 10 kg beras setiap seorang itu adalah sumbangan syarikat korporat.

Beliau kemudian berbuka puasa, menunaikan sembahyang Maghrib, Isyak serta sunat Tarawih bersama para hadirin.

-- BERNAMA

AKT AKT RON